

# FBEA NITE Bantu Optimumkan Kemahiran Insaniah Warga FPEP

Oleh Nur Shazelina Binti Amir

Kota Kinabalu, 11 Mei – Majlis FBEA NITE membantu dalam usaha mengoptimalkan dan meningkatkan tahap kemahiran insaniah di kalangan pelajar dalam pelaksanaan anjuran program, kata unit urusetia FBEA NITE, Raja Intan Sofia Raja Adnan.

Beliau berkata demikian ketika bertugas dalam majlis makan malam yang berlangsung di Tanjung Aru Resort and Spa, kelmarin.

Menurut Raja Intan Sofia, 24, yang juga merupakan pelajar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), objektif yang ingin dicapai melalui program ini adalah bertujuan untuk memupuk dan mengamalkan nilai toleransi bertujuan untuk merealisasi sebuah negara berdaulat yang mempunyai pelbagai budaya tersendiri. FBEA NITE bukan sahaja majlis makan malam FPEP tetapi program yang diadakan untuk mengakui dan menghargai pencapaian dan sumbangan pelajar dalam bidang akademik FPEP dan kurikulum.



Unit urusetia FBEA NITE, Raja Intan Sofia Raja Adnan.

“Pada pendapat saya, program ini merupakan program yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang (anugerah dekan),” tambahnya lagi.

Majlis yang bertemakan ‘*Beauty and The Beast*’ telah digayakan oleh warga FBEB dalam sesi bergambar di karpet merah bagi menjayakan program tersebut disamping dapat mengeratkan silaturahim antara pelajar, pensyarah dan komuniti pelajar FPEP.

Malah, tambah beliau, majlis ini telah dianjurkan oleh warga FPEP sendiri menyebabkan mereka secara tidak langsung terlatih untuk berfikiran kreatif bagi menjayakan program yang melibatkan orang-orang yang ternama.

“Saya belajar untuk meningkatkan kemahiran komunikasi saya kerana kewajipan (urus setia) dalam program ini membuatkan saya terpaksa berhadapan dengan orang-orang yang penting dalam UMS,” katanya.

“Saya berharap agar program seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang selari dengan majlis penghargaan kepada pelajar cemerlang di samping dapat melatih pelajar baru sebagai tulang belakang dalam meneruskan program seperti ini,” tambah Raja Intan Sofea lagi.

Dalam pada masa yang sama, antara tetamu istimewa yang diundang dalam majlis FBEANITE ini adalah Naib Censelor UMS, Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah bagi menjayakan lagi program ini.



Warga FPEP dalam majlis FBEA NITE berkonsepkan *Beauty and The Beast* di Tanjung Aru Resort and Spa.